

UCAPAN BAJET TAHUN 2017

Oleh

**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK**  
PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI KEWANGAN

KETIKA MEMBENTANG  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2017)

DI DEWAN RAKYAT  
PADA JUMAAT, 21 OKTOBER 2016  
JAM 4 PETANG

**“MENJAMIN PERPADUAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI,  
MENGHEMAH PERBELANJAAN INKLUSIF,  
MENSEJAHTERA KEHIDUPAN RAKYAT SELURUH”**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk “**Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu**” dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang Dipertua,

BismillahirRahmanirRahim

Alhamdulillahi Rabbil A'lamin Wabihi Nasta'in

1. Segala puji dan puja serta kalimah tasbih dipanjatkan ke hadrat Allah Hu Ta'ala di atas limpah kurnianya yang menghimpunkan kita sekali lagi pada petang Jumaat, 21 haribulan Oktober 2016, bersamaan 20 haribulan Muharram 1438 Hijriah yang mulia ini, bagi maksud pembentangan sebuah lagi dokumen besar negara yakni Bajet 2017.
2. Demikianlah, tentunya kita memohon limpahan rahmat ke atas penghulu kami Nabi Muhammad, dengan selawat sesempurna anugerah.
3. Wahai Tuhan Yang Maha Besar, sebaik-baik perancang, dipohon Taufik dan Hidayah serta nikmat bahagia yang berkekalan-kekalan kepada hamba-hambaMu ini seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

4. Pada kesempatan ini, kita mengalu-alukan kembalinya sejumlah lebih 23 ribu orang Jemaah Haji ke tanah air dengan selamatnya. Didoakan semoga semuanya telah memperoleh Haji yang mabruk. InsyaAllah.

Tuan Yang Dipertua,

5. Saban tahun sejak kurang lebih enam dekad lalu, belanjawan-belanjawan atau bajet-bajet telah dipersembahkan.
6. Jika kita mengimbas sejarah, bermula dengan belanjawan kali pertama pasca merdeka, di Parlimen pada tahun 1959, yang hanya berbekalkan peruntukan sebanyak 888 juta ringgit, hinggalah Bajet 2017 ini, berperuntukkan sejumlah 260.8 bilion ringgit.

7. Dengan izin dan kehendak Allah yang Maha Berkuasa jua, Kerajaan Perikatan, bertali-temali kini, sebagai Kerajaan Barisan Nasional, telah berjaya mempertahan dan memperkekalkan pertumbuhan KDNK, pada purata enam peratus setahun, selama hampir enam puluh tahun berturut-turut.

Alhamdulillah, ..... Alhamdulillah.

Tuan Yang Dipertua,

8. Bajet kali ini dengan diperuntukkan 260.8 bilion ringgit, merupakan peningkatan 3.4 peratus daripada pengubahsuaian Bajet 2016.

9. Daripada jumlah ini, 214.8 bilion ringgit adalah Perbelanjaan Mengurus dan 46 bilion ringgit pula, untuk Perbelanjaan Pembangunan. Ini tidak termasuk simpanan luar jangka sebanyak 2 bilion ringgit.

10. Di bawah Peruntukan Mengurus, 77.4 bilion ringgit adalah untuk Emolumen, serta 32 bilion ringgit untuk Perkhidmatan dan Bekalan.

11. Manakala, 103.9 bilion ringgit untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Pembelian Aset pula, diperuntukkan 691 juta ringgit, dan 816.6 juta ringgit lagi, untuk perbelanjaan lain.

Tuan Yang Dipertua,

12. Di bawah Peruntukan Pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak 25.9 bilion ringgit, diikuti oleh sektor sosial 12.2 bilion ringgit. Sektor keselamatan mendapat 5.3 bilion ringgit, dan sektor pentadbiran am lebih 2.5 bilion ringgit.

13. Oleh itu, berdasarkan prestasi semasa, hasil 2017 dijangka berkembang sekitar 3 peratus iaitu kepada 219.7 bilion ringgit.

14. Selain itu,...sasaran Kerajaan untuk defisit fiskal 3 peratus daripada KDNK pada 2017, mudah-mudahan dapat dicapai, berbanding,... 3.1 peratus pada tahun ini.

15. Jadinya,..... Tuan Yang Dipertua, saudara dan saudari,..... saya faham, angka dan nombor-nombor yang disebut barangkali tidak mudah difahami ramai.

16. Sebenarnya, apa yang hendak saya sampaikan adalah, Kerajaan sentiasa komited untuk melaksanakan bajet yang terbaik melalui perbelanjaan berhemah, sekalipun,... kita berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi dunia.

Saudara dan saudari,

17. Maksud perbelanjaan berhemah oleh Kerajaan di sini, kalau hendak dipercontohkan dalam sesbuah keluarga, seorang bapa atau ketua keluarga harus bijak dalam menguruskan kewangan untuk keperluan seisi rumah.

18. Ertinya, jika dulu,... dapat dibelikan mainan yang agak mahal untuk anak-anak,... dalam keadaan sekarang,... beli tetap beli juga,... tetapi yang bersesuaian dengan kadar kemampuan.

19. Manakala, makan minum,... kalau sebelum ini boleh sedikit bermewah dan makan-makan di restoran mahal,... kini boleh bersederhana serta berjimat, barangkali di restoran-restoran berpatutan, namun tidak kurang enak makanannya.

20. Tambahan lagi, Malaysia dikenali sebagai ‘Syurga Makanan’.

21. Misalnya, dalam Amanat Merdeka baru-baru ini, saya telah memberi contoh makanan yang sedap dan harga pun boleh tahan, namun masih enak seperti Nasi Kandar Vanggey di Ipoh.

22. Terkini pula, saya dapat tahu,...telah viral tentang 'Nasi Lemak Anak Dara' di Shah Alam yang diusahakan oleh seorang graduan wanita muda dari Universiti tempatan...Kesiannnn katanya dah kena saman pulak.

23. Apa pun,... Kerajaan kini harap dan kita galakkan individu-individu terutamanya para graduan, yang ingin menjadi usahawan seperti ini didoakan agar terus berusaha dan berjaya.

Tuan Yang Dipertua,

24. Berbalik kepada Bajet 2017 ini,... kita ingin mengambil ibarat dan teladan daripada kisah-kisah di zaman Nabi Allah Yusof Alaihi Salam, bersempena Kitab Suci Al-Quran Surah 12, ayat-ayat 43 hingga 49, tentang perancangan tujuh tahun pertama dan persediaan, selanjutnya tujuh tahun cabaran mengekalkan keutuhan ekonomi negara.

25. Beriktibar daripada peristiwa bersejarah itu, merujuk kepada situasi yang berlaku kepada ekonomi negara kita, pada tahun 2008, yakni tujuh tahun lalu, Malaysia tidak terlepas daripada dilanda kelembapan ekonomi global.

26. Justeru, selepas dilantik sebagai Menteri Kewangan, di bawah pimpinan Mantan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi, kami telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, berjumlah hampir tujuh bilion ringgit, bagi merangsang kembali pertumbuhan ekonomi negara.

27. Sebenarnya, pakej pertama itu, merupakan langkah interim sahaja. Kemudiannya, kira-kira sebulan sebelum saya dilantik menjadi Perdana

Menteri pada Mac 2009, Paket Rangsangan Kedua bernilai 60 bilion ringgit telah digerakkan.

28. Ternyata, langkah pro-aktif ini berjaya memangkin ekonomi negara yang lembap pada masa tersebut. Hasilnya, ekonomi Malaysia kembali berkembang, dengan pertumbuhan KDNK mencecah 7.4 peratus pada tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

29. Alhamdulillah, rentetan daripada inisiatif-inisiatif paket-paket stimulus tersebut, dan tujuh bajet yang telah dilaksanakan, ekonomi kita stabil dan kekal berada di landasan positif.

Tuan Yang Dipertua,

30. Sesungguhnya, keadaan ekonomi global atau *external economy* masakini adalah tidak menentu dan berada di luar kawalan kita.

31. Pertumbuhan perlahan ekonomi antarabangsa berpunca, daripada kelembapan kesemua Kuasa-Kuasa Besar Ekonomi Dunia secara serentak.

32. Sebab itulah, pertumbuhan KDNK dunia menurun daripada 3.2 peratus pada 2015, ke paras 3.1 peratus yang diunjurkan bagi tahun 2016.

33. Kendatipun begitu, kita amat bersyukur, pertumbuhan ekonomi kita masih kekal stabil dan *sustainable* bagi separuh pertama tahun ini.

34. Jelasnya, ekonomi negara terus berkembang pada 4.1 peratus dan kita yakin sasaran pertumbuhan 4 hingga 4.5 peratus bagi tahun 2016 dan 4 hingga 5 peratus pada 2017 akan tercapai, Insya-Allah.

35. Sesungguhnya juga, *we are now on the right track* kerana berani membuat membuat keputusan-keputusan yang tepat, sekalipun ia tidak popular.

36. Saya hendak nyatakan di sini, bahawa *all those major and crucial decisions were deliberately done*.

37. Bak kata pepatah Melayu, Menyediakan Payung Sebelum Hujan dengan mempasak dan memancang, *foundation* yang kukuh demi kedudukan jangka masa panjang kewangan dan ekonomi negara.

Tuan Yang Dipertua, Saudara dan Saudari sekalian,

38. Segalanya ini dicapai berkat kegigihan dan perancangan Kerajaan dengan menumpukan kepada beberapa dasar strategik, sejak tahun 2010.

39. Pertamanya: Mempelbagaikan sumber hasil Kerajaan, terutamanya mengurangkan kebergantungan hasil negara daripada sektor minyak dan gas sebanyak 41.3 peratus pada tahun 2009 kepada, 14.6 peratus pada tahun 2016.

40. Hasil daripada mempelbagaikan ekonomi secara lebih meluas ini, pertumbuhan ekonomi negara dapat dipertahankan dan masih terpelihara, sungguhpun harga minyak telah merosot hampir 50 peratus.

41. Keduanya: Langkah berani Kerajaan memperkenalkan GST untuk meluaskan sumber pendapatan Kerajaan. Perlu kita sedar, hasil cukai langsung dari individu hanyalah terdiri daripada 2.1 juta pembayar sahaja, daripada 14.6 juta jumlah warga kerja negara.

42. Tambahan pula, dengan kejatuhan harga minyak, dianggarkan Kerajaan kehilangan pendapatan kira-kira 30 bilion ringgit setahun,

daripada sumber cukai pendapatan, cukai korporat, royalti, dividen PETRONAS dan cukai petroleum.

43. Sedarilah, dengan adanya GST, Kerajaan berupaya menampung perbelanjaan di kala sumber yang lain berkurangan.

Tuan Yang Dipertua,

44. Sukacita saya melaporkan, melalui GST sebanyak hampir 30 bilion ringgit telah berjaya dikutip setakat 19 Oktober 2016.

45. Apa yang pastinya, ingin saya tegaskan di sini,...janganlah percaya gembar-gembur bahawa kadar GST akan dinaikkan. Itu cuma cakap-cakap kosong dan tidak benar sama sekali.

46. Langkah Ketiganya, Rasionalisasi Subsidi: Sebagai contoh, jika hendak dibandingkan bagi minyak, pada tahun 1995, masa itu subsidi hanyalah 123 juta ringgit. Jumlah ini hanya mewakili 0.24 peratus daripada bajet keseluruhan negara.

47. Kemuncaknya, pada tahun 2012, mencecah jumlah subsidi 24.8 bilion ringgit, atau 9.8 peratus daripada bajet keseluruhan negara.

48. Secara langsungnya, dasar subsidi pukal jelas membebankan kewangan negara dan menggalakkan ketirisan, dan kita telah ganti dengan subsidi bersasar, yang manfaatnya sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Tuan Yang Dipertua,

49. Terbukti, melalui segala inisiatif yang diambil oleh pihak Kerajaan ini, ekonomi kita berkembang secara mampan, dan kini, mengikut ukuran *Purchasing Power Parity*,... Malaysia telah menjadi sebuah negara *upper middle income*, mengatasi banyak negara bukan sahaja di Asia, namun di seantero dunia.

50. Maknanya, menurut KDNK PPP per kapita rakyat Malaysia, telah meningkat daripada 23,100 dolar Amerika pada tahun 2012, kepada 26,891 dolar Amerika pada tahun 2015.

Tuan Yang Dipertua,

51. Pada sudut lain,... Kerajaan sedar tentang desas desus bahawa, para pelabur sekarang kononnya tidak lagi berkeyakinan dengan ekonomi Malaysia.

52. Perlu difahami, ekonomi sesebuah negara sangat berkait rapat dengan persepsi, sebabnya, tanpa keyakinan mana mungkin datangnya pelaburan untuk ekonomi digerakkan.

53. *But,.... if our own people,.... undermine and sabotage our own economy*, ibaratnya merudumkan rumah dan tanah air kita sendiri.

54. Justeru, perbuatan durjana oleh musuh-musuh luar apatah lagi tangan-tangan kotor dalam negara, yang tidak bertanggungjawab seperti ini,... mesti dihentikan!!!

Tuan Yang Dipertua,

55. Bagi kita,... Kerajaan Barisan Nasional,..... bak kata orang, sekalipun seribu panah tersusuk di badan,... seandainya sejuta luka terbenam

diserang, demi rakyat Malaysia yang tercinta, dari Semenanjung hingga Sabah dan Sarawak, kita akan terus mara menjulang Malaysia ke hadapan.

Tuan Yang Dipertua,

56. Syukur Alhamdulillah, fakta-fakta telah membuktikan hakikat sebenarnya.

57. Misalnya, jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan bagi separuh pertama tahun 2016, adalah lebih 28 bilion ringgit. Ini merupakan peningkatan sebanyak 32 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

58. Ini,... tidak termasuk pelaburan domestik lebih 60 bilion ringgit.

59. Malah, semasa lawatan ke Jerman bulan lalu, pertemuan saya dengan komuniti perniagaan di sana, mereka menyatakan minat untuk terus kekal dengan pelaburan di sini, kerana yakin dengan dasar-dasar Kerajaan Malaysia yang jelas.

60. Contohnya, syarikat Osram telah mengumumkan pelaburan bernilai 1 bilion Euro, atau hampir 5 bilion ringgit.

61. Pelaburan untuk kilang LED di Kulim Kedah ini adalah yang terbesar dan terkini di seluruh dunia.

62. Insya-Allah, minggu hadapan, saya akan ke China pula. Doakanlah agar lawatan ini akan membawa kejayaan yang lumayan untuk negara kita.

63. Terkini, menurut Kaushik Basu, *Chief Economist and Senior Vice President of the World Bank,...as many nations suffer because of falling global commodity prices, Malaysia stands out for having transformed itself from a poor, commodity-exporting nation to a modern diversified economy.*

Tuan Yang Dipertua,

64. Setiap kali bajet dibuat, ramai akan merujuk dan membahas kepada beberapa ayat penting dalam Al-Quran, antaranya Surah Al-Hasyr ayat 7, bahawa, *janganlah harta itu berlegar di kalangan orang-orang kaya di antara kamu sahaja.*

65. Saya telah merujuk kepada pandangan pakar dan alim ulama tentang perkara ini dan difahamkan bahawa tafsiran ayat ini perlulah dilihat dalam konteks yang lebih luas dan holistik.

66. Memetik huriaian Imam Al-Mawardi, sesuatu pemberian atau peruntukan seperti bajet ini, kepada masyarakat adalah bersifat subjektif dengan mengambil kira keperluan dan maslahah semasa rakyat terbanyak.

67. Sesungguhnya, untuk menggubal sebuah bajet yang kompleks, bukanlah perkara enteng. Sebagai Kerajaan yang merasa denyut nadi rakyat, sepanjang beberapa bulan yang lalu, Kerajaan juga telah menerima ribuan idea daripada rakyat pelbagai lapisan dan kategori.

Tuan Yang Dipertua,

68. Bertapak dari itu, makanya Bajet 2017 digubal dengan berpegang kepada Lima Prinsip dan Falsafah Kerajaan.

Satu: Kerajaan ini adalah Kerajaan yang mengutamakan kesepaduan nasional dalam pembinaan negara bangsa. Kepelbagaian etnik dan kemajmukan sebagai aset teras kemajuan dan pembangunan negara semenjak dulu, kini dan selamanya;

Kedua: Kerajaan ini adalah Kerajaan yang mementing dan memelihara kedaulatan, keluhuruan perlembagaan dan undang-undang serta keselamatan negara;

Ketiga: Kerajaan ini, adalah Kerajaan yang kohesif dan stabil serta bekerja sebagai satu pasukan yang jitu;

Keempat: Kerajaan ini, adalah Kerajaan yang gigih berusaha, dengan arah tuju yang jelas, perancangan yang sistematik dan pelan pelaksanaan yang tersusun, efisyen lagi holistik.  
*Indeed, this Government has delivered,... we are still delivering and most importantly, we will continue to deliver.*

dan,...

Kelimanya: Kalau dalam bernegara, kita berpegang kepada ideologi kebangsaan yakni Rukun Negara. Maka dalam mentadbir Malaysia, Kerajaan ini akan terus berpandukan kepada falsafah Islami yang universal sifatnya yakni Wasatiyyah, merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, keadilan sosial, kesaksamaan dan kecemerlangan.

Ini bererti,... kita senantiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk memperoleh yang terbaik,... bukan sederhana, *complacent* atau berpuas hati dengan pencapaian ala kadar sahaja.

Tuan Yang Dipertua, rakyat Malaysia yang dikasihi sekalian,

69. Dalam melalui suka duka episod memacu kejayaan negara,... kita tidak lupa kepada tokoh-tokoh juga pimpinan-pimpinan yang menjadi sumber inspirasi dan teladan kepada semua.

70. Lalunya,... di kesempatan ini, kita menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga beberapa insan yang banyak berjasa kepada negara. Mereka yang akan saya sebutkan sememangnya bukan terdiri daripada ahli Parlimen namun, sekadar berkongsi cerita dan rasa.

71. Pertamanya, Allahyarham Tan Sri Haji Abdul Aziz Tapa yang menumpah taat setia kepada perjuangan bangsanya dan partinya hingga ke hujung usianya, 93 tahun.

72. Kedua, kepada seorang lagi sahabat peribadi saya dan keluarga, yakni Allahyarham Tuan Guru Ustaz Dato' Dr. Haron Din.

73. Sesungguhnya, kita rakyat Malaysia telah kehilangan dua tokoh yang sangat dihormati.

74. Jelas sekali, meskipun Allahyarham Tuan Guru berada di landasan politik berbeza, namun, kita tetap menyanjung tinggi perjuangan beliau untuk ummah, dan pihak Kerajaan telah menganugerahkan gelaran Tokoh Khas Maal Hijrah 2016 kepadanya. Tapi kita berasa sedih dan kecewa, kerana ada kalangan pihak pembangkang sendiri yang terang-terangan membenci dan menista beliau.

Tuan Yang Dipertua,

75. Pernah, semasa saya melawat beliau di hospital, secara peribadi tokoh ilmuwan Islam ini, ada menyebut kepada saya bahawa, “jika kita suka kepada seseorang itu berpada-padalah,... mana tahu kelak kita akan membencinya. Kalau kita benci kepada seseorang itu pula, berpada-pada jugalah,... kerana mungkin orang yang dibenci itu kelak akan menjadi orang yang kita sayang”.....

76. Kepada kedua-duanya, yang telah dipanggil pulang ke ribaan Yang Maha Esa, kita sedekahkan – ummul kitab Al-Fatihah...

Tuan Yang Dipertua,

77. Kita kini berada di ambang enam dekad kemerdekaan watan tercinta ini. Selama itulah penjawat awam yang kini jumlahnya mencecah 1.6 juta orang, menjadi tonggak pentadbiran dan jentera kemajuan negara.

78. Sebagai menghargai khidmat bakti dan jasa mereka, sukacitanya saya mengumumkan:

- Pertama: Kemudahan Cuti Belajar dengan gaji dibayar penuh bersama biasiswa yang sebelum ini hanya kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, kini akan diberikan juga kepada Kumpulan Pelaksana;
- Kedua: Pemberian Cuti Kuarantin kepada penjawat awam yang anaknya sakit dan perlu dikuarantin menerusi cuti tanpa rekod sebanyak 5 hari;
- Ketiga: Kalau seperti sedia ada kemudahan pembiayaan diberikan kepada pembelian komputer, bajet kali ini memutuskan agar kemudahan ini diperluaskan meliputi pembelian *smartphone* dengan had pinjaman sehingga 5 ribu ringgit bagi setiap tiga tahun; dan
- Keempat: Tidak cukup dengan itu,...tidak cukup....Kerajaan memutuskan bahawa had pinjaman pembelian motosikal akan dinaikkan daripada 5 ribu ringgit kepada 10 ribu ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

- Kelima: Kerajaan tetap mengambil berat tentang perumahan penjawat awam, dan terus komited supaya mereka memiliki rumah sendiri.  
Maka dengan ini, sukacita Kerajaan bersetuju menaikkan kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam daripada serendah-rendahnya 120 ribu ringgit kepada 200 ribu ringgit, manakala pinjaman paling tinggi sebelumnya 600 ribu ringgit, kini dinaikkan kepada 750 ribu ringgit;
- Keenam: Sebanyak 30 ribu unit lagi Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia akan disiapkan; dengan harga jualan sekurang-kurangnya 20 peratus di bawah harga pasaran; yakni berharga antara 90 ribu ringgit hingga ke 300 ribu ringgit;
- Ketujuh: Kepada pegawai *contract of service* dan *contract for service* yang akan tamat pada penghujung tahun ini pula, usahlah bimbang, kontrak tuan-tuan dan puan-puan akan Kerajaan lanjutkan sekurang-kurangnya setahun lagi;
- Kelapan: Bagi mengatasi masalah para doktor pakar yang mahu meninggalkan perkhidmatan awam atas isu kelewatan naik pangkat,... Kerajaan memandang serius,... seraya kita umumkan satu lapisan gred baru, yakni gred 56 antara gred 54 dan JUSA C diwujudkan, bagi pegawai perubatan pakar dan pegawai pergigian pakar; dan
- Kesembilan: Kerana kekangan jawatan tetap, Kerajaan mengambil keputusan melantik secara kontrak kumpulan pertama graduan perubatan, pergigian dan farmasi selewat-lewatnya Disember 2016.

Untuk makluman,... hampir 2,600 doktor yang sebelum ini tidak dapat penempatan *housemanship* di mana-mana hospital, kini boleh menjalani *housemanship* secara kontrak. Harapnya, berita ini akan membawa khabar gembira kepada mereka dan keluarga.

Tuan Yang Dipertua,

79. Sebelum pembentangan diteruskan, saya ingin memperbetulkan beberapa tuduhan dan *misconceptions* yang dimomok oleh pihak tidak bertanggungjawab, sehingga mengeliru dan menimbulkan keresanahan tidak menentu di kalangan masyarakat tentang ekonomi Malaysia.

80. Salah faham dan salah persepsi yang pertama,... dikatakan - Kerajaan Akan Bankrap atau Muflis.

81. Berkait perkara ini, saya ingin maklumkan bahawa, sesebuah Kerajaan hanya dikategorikan sebagai bankrap atau muflis, sekiranya Kerajaan tersebut tidak mampu membayar tanggungan hutang-hutangnya.

82. Letak duduk ini, dinilai melalui penarafan oleh antaranya tiga buah agensi antarabangsa yang sangat berwibawa yakni, Fitch, Moodys dan Standard & Poors.

83. Institusi-institusi inilah Badan-Badan Penarafan yang diterima pakai *rating* dan laporan keupayaan negara-negara dalam membayar-balik hutang.

84. Sebagai perbandingan, menerusi agensi penarafan Fitch, terkini Malaysia diberi penarafan A- berbanding dengan Filipina BBB -, Thailand BBB + dan Vietnam BB -.

85. Malah penarafan Malaysia, adalah sama dengan kelompok negara yang saiz ekonominya lebih besar dan maju daripada negara kita, seperti Korea AA- , China A+ , Taiwan A+ , dan Jepun A.

86. Maknanya di sini,... istilah muflis atau bankrap itu jauh sekali daripada kamus ekonomi Malaysia!!!

Tuan Yang Dipertua,

87. Salah faham dan salah persepsi kedua,... dikatakan bahawa *Malaysia is a Failed State*, atau Negara Yang Gagal.

88. Inipun fitnah semata-mata. Saya nak terangkan apa maknanya *Failed State*..... Ia terjadi seandainya sebuah negara itu gagal melaksanakan sebahagian besar tanggungjawab dan fungsi asas Kerajaan.

89. Ini termasuklah kegagalan anggota polis dan askar mengawal keamanan dan keselamatan negara, kegagalan Kerajaan untuk membayar gaji penjawat awam, kegagalan untuk membekalkan keperluan asas seperti air dan elektrik, kadar inflasi melambung tinggi atau *hyper inflation*, sehingga membawa kepada kehancuran ekonomi.

90. Ternyata ciri-ciri tersebut tidak wujud di Malaysia!!! ...dan,... dengan Pertolongan Allah, Kerajaan ini tidak sesekali akan membiarkan kita terjerumus ke kancah negara yang gagal.

Tuan Yang Dipertua,

91. Bajet ini bukanlah digubal bagi kepentingan, atau berlegar kepada kumpulan rakyat tertentu sahaja. Namun direkayasa, bersifat inklusif demi kesejahteraan rakyat seluruhnya.

92. Justeru, jika digambarkan melalui piramid, dalam negara kita, terdapat tiga kategori utama rakyat berdasarkan kepada julat pendapatan isi rumah yakni T20, M40 dan B40.

93. Bagi golongan rakyat M40 secara umumnya, adalah kelompok isi rumah yang berpendapatan sekitar 3,900 ringgit hingga 8,300 ringgit.

94. Golongan M40 termasuklah individu bujang, dan kebanyakannya merupakan suami isteri bekerja, berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

95. Alhamdulillah, golongan ini tidak mempunyai masalah memenuhi keperluan asas mereka. Namun, menjadi hasrat Kerajaan untuk meningkatkan *disposable income* atau pendapatan boleh guna mereka.

96. Ini merangkumi aspek-aspek kerjaya yang terjamin, peluang peningkatan pendapatan dari masa ke semasa, perumahan, keselamatan, pendidikan, kesihatan dan keseimbangan antara kesibukan kerja, berekreasi serta masa yang berkualiti bersama keluarga masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

97. Untuk kefahaman ramai, B40 pula ialah golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, dengan pendapatan isi rumah sekitar 3,900 ringgit ke bawah. Dari perspektif ekonomi makro, wujudnya golongan ini adalah lazim di mana-mana negara membangun.

98. Menurut Laporan *Khazanah Research Institute*, kadar pertumbuhan pendapatan isi rumah B40 ini meningkat lebih pantas, jika dibandingkan dengan pertumbuhan pendapatan golongan M40 dan T20.

Tuan Yang Dipertua, saudara-saudari dan rakyat Malaysia yang dikasihi sekalian,

99. Sekiranya dalam Bajet 2015, saya telah mentafsirkan *People Economy* dan *Capital Economy*, kali ini, saya mahu menambah satu lagi konsep penting dalam kita menuju status negara maju yakni, *public happiness*.

100. Maksud saya, bajet ini bukan hanya tentang pendapatan semata-mata, tetapi ia berkait kualiti kesejahteraan hidup rakyat, seperti aman dari jenayah, menikmati alam sekitar yang bersih dengan pelbagai seni dan kebudayaan yang berwarna warni.

101. Juga,... pencapaian pendidikan yang tinggi, mengangkat kesarjanaan dan keintelektualan, adanya khidmat kesihatan yang terjamin serta memiliki akses kepada pengangkutan awam yang efisyen.

102. Sehubungan dengan hal alam sekitar, kita perlu terus memelihara alam semulajadi terutama kawasan tадahan air dan memastikan bahawa kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai hutan simpanan dan taman-taman nasional dijaga serta sentiasa dipertahankan agar tidak dicerobohi. Ini hanya akan menjadi kenyataan seandai semua Kerajaan Negeri memberikan kerjasama sepenuhnya dengan gandingan sektor swasta dan rakyat jelata.

Tuan Yang Dipertua,

103. Demi kesejahteraan rakyat, Kerajaan akan terus komited melaksanakan projek dan program *Rakyat Centric* di bandar dan luar bandar seperti berikut:

Pertama: Melalui maklumat dan sesi turun padang, terdapat kampung-kampung yang masih berada dalam keadaan

suram malah gelap tanpa kelengkapan tiang-tiang lampu jalan.

Makanya, menjadikan kampung di waktu malam lebih terang, bercahaya lagi selamat, sebanyak 97 ribu lampu jalan dan 3 ribu lampu LED di persimpangan jalan akan dipasang.

Ini melibatkan 7,500 kampung di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak;

Kedua: Membina dan menaik taraf 616 kilometer jalan kampung dan jambatan bagi meningkatkan jaringan perhubungan kampung, pekan dan bandar, dengan peruntukan 1.2 bilion ringgit;

Ketiga: Bagi menyelenggara jalan negeri, 4.6 bilion ringgit disediakan kepada semua negeri di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia atau MARRIS;

Keempat: Membina dan membaik pulih 17 ribu unit rumah usang dan daif di kampung terpencil dan penempatan Orang Asli dengan peruntukan 350 juta ringgit.

Setiap unit rumah diberi bantuan baik pulih antara seribu hingga 15 ribu ringgit bergantung kepada usangnya keadaan rumah tersebut;

Kelima: Meningkatkan penyediaan bekalan air bersih dengan peruntukan 732 juta ringgit, mensasarkan 5,200 buah rumah, termasuk menaik taraf sistem bekalan air FELDA.

104. Terkini pula, terdapat pelbagai masalah bekalan air di beberapa negeri, antaranya kekurangan kapasiti bekalan, cuaca kemarau, pencemaran sisa industri dan pembalakan serta kebocoran paip.

105. Bagi menaik taraf kapasiti dan menjamin bekalan air, Kerajaan memperuntukkan geran 156 juta ringgit dan 509 juta ringgit dalam bentuk pinjaman.

106. Sebagai tambahan, untuk mengatasi masalah bekalan air, di seluruh negara, Tabung Bekalan Air akan diwujudkan dengan segera, berperuntukkan 500 juta ringgit.

Keenam: Menyediakan bekalan elektrik luar bandar, mensasarkan hampir 10 ribu buah rumah dengan peruntukan 460 juta ringgit; dan

Ketujuhnya: Kerajaan sentiasa mengambil berat kebijakan penduduk bandar khususnya yang tinggal di flat. Didapati rumah-rumah pangsa ini banyak berkeadaan luntur dan kusam kerana tidak dipulihara sebaiknya. Begitu juga keadaan lif-lif yang rosak dan bermasalah.

Oleh itu, Kerajaan menyediakan 300 juta ringgit di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia untuk membaik pulih kemudahan kawasan flat dan 113 Program Perumahan Rakyat di kawasan bandar dan pinggir bandar.

107. Kerajaan juga akan melaksanakan Projek Mesra Rakyat dengan peruntukan 800 juta ringgit. Antaranya, menaik taraf dan membina surau, titi, parit, balai raya, pasar dan gerai perniagaan kecil. Keutamaan projek diberi kepada kontraktor kelas G1 dan G2 tempatan.

108. Selain itu, 69 projek Rancangan Tebatan Banjir akan diteruskan di seluruh negara dengan peruntukan 495 juta ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

109. Sukacita saya mengumumkan satu lagi inisiatif baharu Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS yakni, *MyBeautiful New Home*, khusus kepada golongan B40, dengan peruntukan 200 juta ringgit.

110. Sebagai permulaan, 5 ribu unit rumah akan dibina dengan harga 40 ribu hingga 50 ribu ringgit seunit.

111. Menariknya, Kerajaan akan membiaya 20 ribu ringgit dan bakinya dibayar secara ansuran oleh pemilik. Syaratnya, rumah ini akan dibina di tanah milik sendiri, tanah yang telah mendapat kebenaran tuan tanah dan tanah kurniaan Kerajaan Negeri.

112. KPKT pula akan membina 9,850 unit rumah di bawah PPR dan menyediakan sebanyak 134 juta ringgit bagi tahun 2017.

113. Sementara itu, 11,250 unit rumah PPR sedang dalam pembinaan dan 576 juta ringgit disediakan. Rumah ini dijual dengan harga antara 35 ribu sehingga 42 ribu ringgit, walaupun kos pembinaannya menelan 120 hingga 160 ribu ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

114. Bagi membantu meningkatkan peluang pendapatan rakyat, terutamanya kelompok B40, 275 juta ringgit diperuntukkan seperti berikut:

Pertama: Memperluaskan Program MySuria dengan peruntukan 45 juta ringgit. Panel solar akan dipasang di lebih 1,600 rumah. Setiap peserta program akan menerima 250 ringgit sebulan;

- Kedua: Memperluas Program *Mobilepreneur* oleh GIATMARA, dengan peruntukan 30 juta ringgit, yang mensasarkan 3 ribu peserta bermotosikal;
- Ketiga: Melaksanakan program *Agropreneur*, dengan peruntukan 100 juta ringgit bagi melahirkan 3 ribu usahawan tani muda yang terlibat di dalam pengeluaran hasil tani bernilai tinggi; dan
- Keempat: Menggiatkan program eUsahawan dan eRezeki di bawah MDEC, merangkumi 300 ribu peserta dengan peruntukan 100 juta ringgit.

Saudara dan saudari,

115. Bagi meringankan kos sara hidup rakyat, Kerajaan menyediakan peruntukan subsidi hampir 10 bilion ringgit, merangkumi subsidi bahan api termasuk gas memasak, pampasan tol dan pengangkutan awam.
116. Untuk membantu golongan pesawah padi pula, Kerajaan memperuntukkan 1.3 bilion ringgit untuk subsidi harga padi, benih padi dan baja padi, termasuk padi bukit.
117. Sebagai insentif kepada pekebun kecil getah yang berdaftar, Kerajaan memperuntukkan 250 juta ringgit untuk pelaksanaan pembelian ‘harga lantai’.
118. Sebagai langkah tambahan, bajet ini juga mengumumkan, Kerajaan akan memperkenalkan Bantuan Musim Tengkujuh sebanyak 200 ringgit sebulan bagi 3 bulan pada November, Disember dan Januari memanfaatkan 440 ribu pekebun kecil dan penoreh getah.

119. Selanjutnya, bagi meringankan beban sara hidup 57 ribu nelayan, pemberian elaun 200 hingga 300 ringgit sebulan akan diteruskan.

Tuan Yang Dipertua,

120. Sejak Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M diperkenalkan, setiap tahun tanpa gagal, program ini terus mendapat sambutan dan maklum balas yang sangat positif daripada penerima.

121. Pada satu program yang saya hadiri, seorang penerima BR1M dari keturunan India, telah datang dan menggenggam erat tangan saya sambil berkata,... ‘*saya tarak kisah apa orang mau cakap pasal Kerajaan, yang penting Dato’ Najib,... BR1M bantu saya dan keluarga*’.

122. Jadinya, Tuan Yang Dipertua, saudara dan saudari rakyat Malaysia sekalian,... kata orang....

Dedak bukan,... umpan pun bukan,  
BR1M yang ikhlas satu pemberian,  
Keperluan rakyat kita dahulukan,  
Jumlah BR1M, kita tambah-tambahkan.

123. Sehubungan itu, untuk tahun hadapan, kadar BR1M dinaikkan seperti berikut:

Pertama: BR1M kepada isirumah dalam senarai e-Kasih dan berpendapatan bulanan di bawah 3 ribu ringgit, akan dinaikkan daripada 1,050 dan 1,000 kepada 1,200 ringgit;

Kedua: BR1M kepada isirumah berpendapatan 3 ribu hingga 4 ribu ringgit, akan dinaikkan daripada 800 kepada 900 ringgit; dan

Ketiga: Bagi individu bujang berpendapatan di bawah 2 ribu ringgit, BR1M akan dinaikkan daripada 400 kepada 450 ringgit.

124. Tidak sekadar itu, Skim Khairat Kematian akan diteruskan dengan pampasan seribu ringgit kepada waris penerima BR1M bagi kategori isi rumah dan warga emas. Keseluruhan Program BR1M ini akan memanfaatkan 7 juta penerima dengan peruntukan 6.8 bilion ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

125. Bagi menghasilkan tenaga kerja tempatan yang memenuhi keperluan industri, kapasiti pendidikan TVET akan diperkasakan dengan peruntukan 4.6 bilion ringgit kepada institusi-institusi TVET.

126. Menerusi NBOS, untuk mengoptimakan aset-aset Kerajaan, maka sembilan buah kampus Institut Pendidikan Guru, akan diubah-suai untuk menjadi Politeknik dan Kolej Vokasional.

127. Akhirnya, empat buah akan menjadi Politeknik, empat lagi Kolej Vokasional, dan sebuah lagi sebagai pusat latihan jurulatih TVET.

128. Di atas inisiatif kreatif ini, hanya kira-kira 400 juta ringgit diperuntukkan, berbanding 250 juta ringgit, untuk membina hanya sebuah politeknik yang baharu. Ini menjimatkan wang Kerajaan kira-kira 2 bilion ringgit.

129. Selanjutnya, 270 juta ringgit disediakan untuk naiktaraf peralatan pembelajaran di institusi TVET serta 360 juta ringgit bagi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran.

130. Berhubung ini, potongan cukai sebanyak dua kali diberikan ke atas perbelanjaan syarikat swasta yang menyediakan *Structured Internship*

*Programme* bagi pelajar di peringkat ijazah sarjana muda, diploma dan pelajar Tahap 3 dan ke atas di bawah Program TVET. Insentif ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun mulai tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2019.

131. Selain itu, geran padanan latihan dan pembangunan kurikulum akan diberi kepada institusi TVET awam yang berjaya mendapatkan sumbangan dalam bentuk peralatan daripada industri.

Tuan Yang Dipertua,

132. Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan, 50 juta ringgit disediakan untuk perluasan program Skim Latihan 1Malaysia oleh GLC kepada 20 ribu graduan bagi tahun 2017, berbanding 15 ribu graduan pada tahun 2016.

Tuan Yang Dipertua,

133. Rumah tempat berteduh adalah soal yang amat dekat di hati saya. Mahu tidak mahu,... Kerajaan terus komited dalam ehwal perumahan rakyat di mana setiap keluarga mampu memiliki kediaman sendiri.

134. Untuk meningkatkan keupayaan pembeli rumah pertama, konsep berikut akan diperkenalkan:

Konsep Pertama: Melalui NBOS lagi, kita akan menyediakan tanah Kerajaan yang tidak diguna-pakai di lokasi strategik kepada GLC dan PR1MA, untuk membina lebih 30 ribu unit rumah membolehkan harga jualan antara 150 ribu ringgit hingga 300 ribu ringgit. Harga ini jauh lebih rendah dari pasaran iaitu 250 hingga 400 ribu ringgit;

Konsep Kedua:	Membina 10 ribu unit rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda yang layak dengan pekerjaan yang tetap, termasuk graduan muda yang baru memasuki alam pekerjaan.  Mereka boleh menyewa dengan tempoh maksima lima tahun, pada kadar yang lebih rendah daripada kadar pasaran, sementara mereka membina kemampuan kewangan untuk membeli rumah sendiri; dan
Ketiganya:	Syarikat Perumahan Negara Berhad diperuntukkan 200 juta ringgit untuk membina lebih 5 ribu unit Rumah Mesra Rakyat dengan subsidi Kerajaan sehingga 20 ribu ringgit seunit.

Tuan Yang Dipertua,

135. PR1MA telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan. Setakat ini, lebih 12 ribu unit kediaman, berjumlah 3.3 bilion ringgit telah ditempah. Manakala 85 ribu lagi dalam pelbagai peringkat kelulusan.

136. Di kesempatan ini, saya ingin mengumumkan satu skim pembayaran akhir atau *end-financing* khas jenis *step-up* untuk program PR1MA.

137. Melalui skim khas ini, pembiayaan lebih mudah dan *accessible* kepada pembeli, dengan jumlah pinjaman mencecah 90 hingga 100 peratus, dan kadar penolakan pinjaman akan berkurangan secara drastik.

138. Proses permohonan bagi skim ini akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2017. Skim ini merupakan hasil kerjasama di antara pihak Kerajaan, Bank Negara Malaysia, KWSP dan juga 4 bank tempatan iaitu Maybank, CIMB, RHB dan AmBank.

139. Contohnya, pemohon yang berpendapatan 3 ribu ringgit sebulan, hanya layak mendapat pinjaman lebih 187 ribu ringgit. Melalui skim pemberian khas ini, pemohon boleh mendapatkan pinjaman sehingga lebih 295 ribu ringgit.

140. Disamping itu diumumkan pengecualian duti setem dinaikkan kepada 100 peratus ke atas surat cara pindah milik dan surat cara pinjaman perumahan. Ini membantu mengurangkan kos pemilikan rumah pertama, berbanding 50 peratus pada masa ini.

141. Walaubagaimanapun, layanan pengecualian ini terhad kepada nilai rumah sehingga 300 ribu ringgit bagi pembelian kediaman pertama sahaja, antara tempoh 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2018.

Tuan Yang Dipertua,

142. Untuk pembangunan infrastruktur bagi Rumah Generasi Kedua, FELDA, FELCRA dan RISDA masing-masing diperuntukkan 200 juta ringgit, 100 juta ringgit dan 100 juta ringgit lagi.

Tuan Yang Dipertua,

143. Seterusnya berita gembira untuk pembayar cukai. Jika kini terdapat 21 kategori pelepasan cukai individu, terbaru, untuk pembelian bahan bacaan, komputer dan peralatan sukan digabungkan sebagai pelepasan cukai gaya hidup.

144. Ini diperluaskan meliputi pembelian akhbar-akhbar arus perdana, *smartphone* dan tablet, langganan internet serta bayaran keahlian gimnasium. Pelepasan ini diberi sehingga 2,500 ringgit setiap tahun, berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2017.

Tuan Yang Dipertua,

145. NBOS telah menjimatkan 3.5 bilion ringgit perbelanjaan negara.

146. Oleh kerana sambutan hebat daripada rakyat, 4 lagi UTC di Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor, dan 3 lagi RTC di Selangor, Sabah dan Sarawak akan dibina dengan peruntukan 100 juta ringgit.

147. Sebagai langkah baru, setiap UTC akan disediakan sebuah *Job Centre* untuk membantu memadankan antara pencari kerja dan bakal majikan.

148. Di sini saya ingin bertanya,...mana ada Kerajaan dalam dunia yang menyediakan pusat khidmat sehenti beroperasi tujuh hari seminggu, bermula 8 pagi hingga 10 malam? Mana ada,... melainkan Kerajaan Barisan Nasional.

149. Selain itu, inisiatif NBOS yang lain seperti program Bahasa Inggeris 1Malaysia, Coding di sekolah, *Volunteering for International Professional* dan *Global Entrepreneurship Community* 2 diperuntukkan 40 juta ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

150. Tatkala Kerajaan melaksanakan pelbagai program *Rakyat Centric*, Kerajaan terus komited memampangkan fiskal negara jangka panjang dengan antara lain menujuhan *Collection Intelligence Arrangement* atau *CIA* di bawah Kementerian Kewangan. Ini akan melibatkan LHDN, Kastam dan SSM yang akan berkongsi data bagi menambah kecekapan mengutip cukai dan *tax compliance*.

151. Selain itu, kadar duti setem ke atas surat cara pindah milik hartanah bernilai melebihi 1 juta ringgit, akan dinaikkan daripada 3 kepada 4 peratus mulai 1 Januari 2018.

152. Juga, projek *rakyat-centric* akan diteruskan melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta berjumlah 10 bilion ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

153. Profesor HAMKA ada menyebut,... jiwa yang bersih tumbuh daripada jasmani yang bersih dan sihat, manakala kesempurnaan jati diri membentuk budi, iaitu ilmu mengatur kesihatan, yakni riadah, atau pun bersukan.

154. Namun bersih di sini,..... bukan bererti menyertai Perhimpunan BERSIH...yang ternyata tidak bersih.

155. Berbicara lagi hal sukan, kita amat bangga atas pencapaian kontinjen Olimpik dan Paralimpik. Pertama kali Negaraku dikumandangkan di Rio De Janeiro.

156. Alhamdulillah, kontinjen negara telah menamatkan persaingan di Sukan Olimpik 2016 dengan pungutan 4 pingat Perak dan 1 pingat Gangsa. Kita ucapkan syabas dan tahniah setingginya kepada jaguh-jaguh sukan Olimpik negara!

157. Bagi pembangunan sukan negara, sebanyak 1.2 bilion ringgit disediakan. Ini meliputi 450 juta ringgit, khusus untuk pengajuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 pada tahun 2017.

158. Selain itu, beberapa program pembangunan sukan akan dilaksanakan:

Pertama: 50 juta ringgit bagi pembinaan Akademi Bola Sepak Fasa II di Gambang, Pahang;

- Kedua: 122 juta ringgit bagi membina dan menaik taraf fasiliti sukan termasuk Kompleks Belia dan Sukan Negeri-negeri, Kompleks Futsal 1Malaysia dan Kompleks Sukan Komuniti;
- Ketiga: 70 juta ringgit bagi Program Pembangunan Podium Sukan Elit untuk penyediaan atlet ke temasya sukan antarabangsa; dan
- Keempat: 54 juta ringgit bagi Program Pembangunan Ahli Sukan termasuk Program Penyediaan Atlet dan Program Penyediaan Atlet Paralimpik.

Tuan Yang Dipertua,

159. Kesihatan adalah segalanya. Lantaran itu, usaha bersepadu terus dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan di negara kita. Jadinya, 25 bilion ringgit disediakan bagi program:

- Pertama: Membina dan menaiktaraf hospital-hospital baharu serta Klinik Kesihatan di Perlis, Kuching, Mukah, Jempol, Muar dan Johor Bahru;
- Kedua: Menaik taraf kemudahan hospital dengan peruntukan 536 juta ringgit. Ini termasuk penyediaan peralatan rawatan kardiologi di Hospital Serdang, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, serta pembelian 100 buah ambulan;
- Ketiga: 4.5 bilion ringgit untuk operasi 340 Klinik 1Malaysia, 11 Klinik Bergerak 1Malaysia, 959 Klinik Kesihatan, dan lebih 1,800 Klinik Desa sedia ada; dan

Keempat: 4 bilion ringgit untuk bekalan ubat, *consumables*, vaksin dan re-agen kepada semua hospital dan fasiliti kesihatan Kerajaan.

Saudara dan saudari,

160. Merujuk ehwal kesihatan, saya ingin memperkenalkan Dr. Mohd Lutfi Fadil Lokman. Beliau adalah anak muda contoh yang telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, melalui *Hospital Beyond Boundaries Project* yang dimulakannya di Kemboja. Sekalung tahniah dan tepukan kepada Dr Lutfi yang saya anggap ikon golongan belia di bidang kesihatan.

Tuan Yang Dipertua,

161. Selanjutnya, bagi mengurangkan kesesakan di hospital awam, Kerajaan akan bekerjasama dengan pihak swasta atau NGO, yang mengendalikan *non-profit charitable hospital*, mengikut kadar kos hospital Kerajaan. Pinjaman 20 juta ringgit disediakan untuk membiayai pembelian peralatan hospital tersebut.

162. Seterusnya, 110 juta ringgit diperuntukkan, di mana 70 juta ringgit untuk bantuan perubatan kepada 10 ribu pesakit kurang berkemampuan.

163. Sebagai menggalakkan lebih banyak pusat hemodialisis swasta dibuka, 40 juta ringgit diperuntukkan sebagai geran *one-off* 200 ribu ringgit untuk pembelian peralatan.

Tuan Yang Dipertua,

164. Kerajaan sememangnya memandang serius penularan wabak Denggi dan Zika serta akan melaksanakan inisiatif pencegahan dan kawalan ke atasnya. Selain itu, Program Komuniti Sihat Perkasa Negara akan diperluaskan. Kesemua ini melibatkan peruntukan 80 juta ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

165. Di sudut lain, Kerajaan mengambil berat keluhan rakyat tentang kenaikan harga makanan, serta jaminan bekalan makanan.

166. Justeru, 1.3 bilion ringgit disediakan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan dengan harga yang kompetitif.

167. Ia termasuk membangunkan infrastruktur pertanian seperti saliran dan pengairan, jalan ladang dan pemasaran produk pertanian. Program berimpak tinggi juga akan diteruskan termasuklah estet padi, zon bersepadu akuakultur dan penternakan ikan sangkar.

168. Seterusnya, program Pengedaran Barang Perlu, pembukaan 4 lagi MyFarmOutlet dan penambahbaikan 150 premis Agrobazaar Rakyat 1Malaysia dengan peruntukan 140 juta ringgit.

169. Selain itu, Kerajaan juga akan menggalakkan pembangunan industri tenusu serta pengeluaran madu kelulut dan kelapa, di samping mengurangkan kebergantungan import makanan haiwan ternakan menerusi pembangunan industri tanaman jagung bijirin, sebagai projek perintis di Terengganu dan di Kedah.

Tuan Yang Dipertua,

170. Sememangnya, Kerajaan prihatin terhadap keluhan dan permintaan para pemandu teksi.

171. Bersama kita pada petang ini, dua orang wakil pemandu teksi yang menghargai usaha Kerajaan selama ini dalam membela nasib mereka. Terima kasih diucapkan dan tepukan kepada Encik Mohd Rais Hasan dan Encik Tan Woon Kong, kerana sudi hadir ke pembentangan bajet petang ini.

172. Sukacitalah, saya mengumumkan geran 5 ribu ringgit untuk membeli kenderaan baharu dan menawarkan permit teksi individu, dengan peruntukan 60 juta ringgit. Ini akan memanfaatkan seramai 12 ribu pemandu teksi yang layak dan telah tamat kontrak pajak dengan syarikat teksi mereka.

Tuan Yang Dipertua,

173. Pada masa ini, sebahagian besar pemandu teksi tidak dilindungi oleh insurans. Atas keprihatinan Kerajaan, Skim PERKESO kepada pemandu teksi individu yang berpendapatan sehingga 3 ribu ringgit sebulan akan diperkenalkan dengan geran pelancaran 60 juta ringgit.

174. Di bawah Skim ini, pemandu teksi perlu membuat caruman pada kadar 157 ringgit hingga 443 ringgit setahun, yakni, hanya 13 ringgit 8 sen sebulan. Sekiranya berlaku kemalangan sewaktu bekerja, mereka layak membuat tuntutan daripada PERKESO.

175. Contohnya, pemandu teksi yang hilang upaya kekal akan menerima bayaran pukal berjumlah 43 hingga 121 ribu ringgit dan bayaran bulanan antara 1,281 hingga 2,624 ringgit sepanjang hayat. Sekiranya pemandu tersebut meninggal dunia, warisnya akan mendapat Faedah Orang Tanggungan pada kadar 945 hingga 2,655 ringgit sebulan.

Tuan Yang Dipertua,

176. Bagi membantu B40 khususnya penerima BR1M menjana pendapatan tambahan, Kerajaan menggalakkan penyertaan mereka sebagai pemandu *ride-sharing* seperti pemandu UBER, terutama bagi pemilik kenderaan sendiri.

177. Pendapatan boleh mencecah 1,500 ringgit sebulan sekiranya memandu separuh masa antara 10 hingga 40 jam seminggu dan 4,300 ringgit sekiranya melebihi 40 jam seminggu.

178. Bagi mereka yang tidak memiliki kenderaan, bayaran pendahuluan boleh dibuat menggunakan BR1M dan rebat sebanyak 4 ribu ringgit bagi pembelian kereta Proton Iriz.

Tuan Yang Dipertua,

179. Kerajaan juga akan menaiktaraf sistem perparitan dan pembinaan 2 *Overhead Motorcycle Ramp* di Lorong Motosikal Lebuhraya Persekutuan atau *Federal Highway*, bagi mengatasi masalah banjir di laluan motosikal serta menjamin keselamatan penunggang motosikal. Untuk ini, 29 juta ringgit diperuntukkan.

Tuan Yang Dipertua,

180. Di bawah *capital economy*, Kerajaan akan tetap melaksanakan strategi pro-perniagaan.

181. Selaras perkembangan pelaburan swasta yang dijangka pada 8.1 peratus kepada 230 bilion ringgit pada 2017, lebih banyak inisiatif akan dijalankan.

182. Bagi merangsang pelaburan swasta, projek-projek infrastruktur akan dilaksanakan seperti menaiktaraf Jalan Lok Kawi – Pengalat – Papar, di Sabah; Jalan Kampung Keruak – Gua Musang – Kuala Berang; membina Jambatan Batang Lupar, Sri Aman; dan Projek Pembangunan Semula Stesen Janakuasa Sandakan.

183. Selain itu, pembangunan infrastruktur dan sosio ekonomi di lima koridor iaitu Wilayah Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara,

Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak, diperuntukkan keseluruhan 2.1 bilion ringgit.

184. MIDA pula, disediakan dana 522 juta ringgit untuk sektor tumpuan termasuk industri kimia, elektrik dan elektronik serta aktiviti R&D.

Tuan Yang Dipertua,

185. Untuk mempergiatkan pasaran modal tempatan, *Small and Mid-Cap PLC Research Scheme* akan diperkenalkan bagi penyelidikan ke atas 300 buah syarikat.

186. Syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan akan memperuntukkan dana khas sehingga 3 bilion ringgit kepada pengurus dana yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk dilaburkan ke syarikat *small and mid cap* yang berpotensi.

187. Di samping itu, Institut Penyelidikan Pasaran Modal akan ditubuhkan dengan pembiayaan awal sebanyak 75 juta ringgit melalui *Capital Market Development Fund*.

188. Pada sudut lain, dalam mengekalkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, tempoh pengecualian cukai pendapatan kepada entiti Perbankan Islam dan Takaful menjalankan aktiviti matawang asing, melalui *International Currency Business Unit* dan pengecualian duti setem ke atas surat cara bagi aktiviti tersebut akan dilanjutkan ke tahun taksiran 2020.

189. Untuk menggalakkan golongan muda untuk membuat pelaburan jangka panjang, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Persaraan Swasta atau PRS.

190. Bermula tahun 2017, Kerajaan mencadangkan insentif sedia ada 500 ringgit ditingkatkan kepada 1 ribu ringgit secara *one-off* kepada pencarum skim PRS dengan pelaburan minimum terkumpul seribu ringgit dalam tempoh dua tahun. Peruntukan 165 juta ringgit akan disediakan.

Tuan Yang Dipertua,

191. Bagi program galakan eksport kepada PKS tempatan oleh MATRADE, MIDA dan SME Corp, 130 juta ringgit disediakan di bawah Tabung Promosi Eksport Negara.

192. Di samping itu, pembiayaan sebanyak 200 juta ringgit dan kemudahan kredit insurans dengan nilai perlindungan sehingga 1 bilion ringgit akan disediakan oleh EXIM Bank kepada PKS.

193. 286 juta ringgit juga disediakan untuk pengeluaran eksport peladangan sawit, getah, koko dan lada.

194. Sebanyak 50 juta ringgit diperuntukkan untuk kajian saintifik bagi meningkatkan kualiti produk sawit.

195. Sebagai tambahan, geran 30 juta ringgit disediakan melalui MPOB untuk penanaman semula kelapa sawit oleh pekebun kecil.

196. Selain itu, 20 juta ringgit juga disediakan bagi menaik taraf jalan ladang untuk kemudahan pekebun kecil komoditi.

Tuan Yang Dipertua,

197. Merujuk sektor pelancongan pula, ia telah menyumbang kepada penjanaan pendapatan negara. Kerajaan akan terus memberi tumpuan ke atas promosi dan penambahbaikan kemudahan pelancongan. Sehubungan itu:

- Pertama: 400 juta ringgit diperuntukkan, antaranya untuk inisiatif *clean air* dan *ecotourism*;
- Kedua: Tempoh permohonan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan bagi pelaburan hotel baharu bertaraf 4 dan 5 bintang, dilanjutkan sehingga 31 Disember 2018; dan
- Ketiga: Potongan cukai daripada 500 ribu ringgit dinaikkan kepada 700 ribu ringgit, untuk sektor swasta yang menaja pertunjukan kesenian, kebudayaan, warisan tempatan dan luar negara.

198. Selain itu, program mempromosi Malaysia melalui Kempen Tahun Melawat ASEAN@50 sempena ulang tahun penubuhan ASEAN ke-50 dan sebagai tuan rumah bagi Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017 akan dijalankan.

Tuan Yang Dipertua,

199. Bagi mencapai sasaran 32 juta pelancong pada tahun hadapan, Kerajaan akan meluaskan eVisa ke negara di rantau Balkan dan Asia Selatan.

Tuan Yang Dipertua,

200. *Digital connectivity* merupakan revolusi aktiviti ekonomi masa kini dan menyumbang hampir 16 peratus daripada KDNK negara.

201. Sehubungan ini, 162 juta ringgit diperuntukkan kepada MDEC bagi pelbagai program seperti ekosistem e-dagang, *Digital Maker Movement*, serta pengenalan kategori lokasi baharu sebagai Hab Digital Malaysia.

202. Kerajaan juga berhasrat untuk menubuhkan *Digital Free Zone yang pertama di dunia*. Ini menggabungkan zon fizikal dan maya, dengan penambahan perkhidmatan *online* dan digital bagi memudahkan e-dagang antarabangsa dan merangsang inovasi berteraskan internet.

Tuan Yang Dipertua,

203. Pada petang yang mulia ini, saya ingin membawa perkhabaran gembira, khususnya buat anak-anak muda kita, berhubung *online connectivity*. Sebagai sebuah negara demokrasi yang bersikap terbuka, Kerajaan berhasrat supaya saluran maklumat *online* diperkasakan.

204. Sukacita diumumkan, bermula Januari 2017, penyedia perkhidmatan *fixed line broadband* bersetuju menawarkan perkhidmatan dengan kelajuan yang lebih tinggi pada harga yang sama. Sebagai contoh, pelanggan pakej 5 megabit sesaat pada harga 149 ringgit akan menikmati pakej berkelajuan 2 kali ganda iaitu 10 megabit sesaat.

205. Seterusnya, dalam tempoh 2 tahun lagi, bagi pakej ini, kelajuan akan ditingkatkan dua kali ganda dengan penurunan harga sehingga 50 peratus. (*double the speed, at half the price*)

206. Selain itu, Kerajaan akan melancarkan inisiatif supaya perkhidmatan jalur lebar ethernet di universiti awam ditingkatkan kepada maksimum 100 gigabit sesaat.

207. Dalam pada itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan menyediakan 1 bilion ringgit supaya liputan dan kualiti jalur lebar di seluruh negara mencapai 20 megabit sesaat.

Saudara dan saudari,

208. Pada tahun hadapan, Kerajaan telah mengisytiharkan 2017 sebagai tahun *Startup & SME Promotion Year*, sesuai dengan peranan PKS yang menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi dan pasaran buruh negara.

209. Bagi menggalakkan pembangunan PKS, Kerajaan bersetuju menyediakan 75 juta ringgit untuk program di bawah Pelan Induk PKS.

210. Selain itu, jaminan sehingga 15 bilion ringgit yang diberikan melalui pelbagai Skim di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan atau SJPP akan dipanjangkan tempohnya sehingga tahun 2025.

211. Sebagai tambahan, untuk melonjakkan PKS berorientasi eksport, 2 peratus rebat kadar faedah diberikan kepada peminjam PKS di bawah skim SJPP.

212. Rebат ini dihadkan kepada jumlah pembiayaan terkumpul 1 bilion ringgit dan melibatkan peruntukan 100 juta ringgit untuk tempoh lima tahun.

Tuan Yang Dipertua,

213. Bagi mempergiatkan *startups* pula, sejumlah 200 juta ringgit daripada dana Skim Jaminan Modal Kerja, akan dikhurasukan kepada syarikat *startups*.

214. Untuk menggalakkan pelaburan *startups* berteknologi tinggi, satu kategori pas baru, yakni Usahawan Teknologi Asing Berpengetahuan Tinggi akan diperkenalkan.

215. Bagi merancakkan lagi industri kreatif dan penerbitan filem pula, *Film in Malaysia Incentive, Arts and Culture Revitalisation Agenda* serta *Hab Content Creation FINAS* di Santubong, Sarawak dan di Kota Kinabalu, Sabah akan dilaksanakan.

216. Kerajaan juga akan mewujudkan satu jawatankuasa yang diwakili oleh para pengamal seni untuk merancakkan lagi sektor kesenian dan kebudayaan negara. Kesemua inisiatif ini melibatkan peruntukan 80 juta ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

217. Sememangnya, usia 2 hingga 5 tahun merupakan fasa penting tumbesaran minda dan fizikal kanak-kanak.

218. Justeru, Kerajaan akan meneruskan Bantuan Makanan Tambahan dan Geran Per Kapita program TABIKA dan TASKA.

219. Kerajaan juga akan menambahbaik pakej pemakanan bernutrisi harian yang lebih lengkap merangkumi susu bersukatan 250 mili-liter, kismis dan telur.

220. Inisiatif ini memanfaatkan hampir 280 ribu kanak-kanak dengan peruntukan 200 juta ringgit.

221. Seterusnya, sebanyak 132 juta ringgit lagi, disediakan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan pra-sekolah secara percuma di sekolah Kerajaan, memanfaatkan 200 ribu orang kanak-kanak.

Tuan Yang Dipertua,

222. Setiap rakyat di negara ini berhak untuk mendapatkan akses pendidikan yang sempurna.

223. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah termasuklah:

- Pertama: Membangunkan semula 120 buah sekolah daif, 60 di semenanjung, 30 di Sabah dan 30 lagi di Sarawak menggunakan *Industrialised Building System* serta menaiktaraf 1,800 makmal sains dengan peruntukan 570 juta ringgit;
- Kedua: Menyiapkan pembinaan 227 buah sekolah, termasuk 8 buah sekolah baharu dengan peruntukan 478 juta ringgit; dan
- Ketiga: Memperluaskan program penguasaan Bahasa Inggeris melalui *Cambridge English, Dual Language* dan *Highly Immersive* dengan peruntukan 90 juta ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

224. Satu lagi berita gembira... untuk 430 ribu pendidik kita pula,... menerusi SKMM, 340 juta ringgit diperuntukkan untuk tablet bantuan mengajar bagi memudahkan tugasan.

Tuan Yang Dipertua,

225. Bagi membantu ibu bapa menampung kos perbelanjaan persekolahan anak-anak, Kerajaan akan meneruskan program berikut:

- Pertama: Pemberian Bantuan Persekolahan 100 ringgit kepada setiap pelajar daripada keluarga berpendapatan sehingga 3 ribu ringgit, yang memanfaatkan 3.5 juta murid;

- Kedua: 1.1 bilion ringgit bagi Bantuan Makanan Asrama untuk 365 ribu murid;
- Ketiga: 300 juta ringgit bagi Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia kepada murid sekolah rendah;
- Keempat: 1.1 bilion ringgit merangkumi Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan, Bantuan Buku Teks dan Bantuan Geran Per kapita;
- Kelima: Geran sepadan disediakan kepada pelajar Tahun 1 di sekolah bantuan penuh Kerajaan bagi simpanan terkumpul sehingga 50 ringgit dalam akaun SSPN-i;
- Keenam: Menyediakan Elaun bulanan Murid Berkeperluan Khas sebanyak 150 ringgit kepada 67 ribu murid; serta mengganti bas bagi 21 sekolah berpendidikan khas; dan
- Ketujuh: 600 juta ringgit diperuntukkan kepada Tabung Khas Penambahaikan dan Penyelenggaraan Sekolah. Daripada jumlah tersebut:
- 250 juta ringgit untuk Sekolah Kebangsaan;
  - 50 juta ringgit kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina;
  - 50 juta ringgit bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil;
  - 50 juta ringgit disalurkan untuk Sekolah Mubaligh;
  - 50 juta ringgit untuk Sekolah Berasrama Penuh;
  - 50 juta ringgit kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan;
  - 50 juta ringgit kepada Sekolah Pondok yang berdaftar; dan
  - 50 juta ringgit kepada Maktab Rendah Sains MARA.

Tuan Yang Dipertua,

226. Bagi meningkatkan kualiti institusi pengajian tinggi ke taraf global, 7.4 bilion ringgit disediakan kepada 20 universiti awam.

227. Daripada jumlah ini, 1.4 bilion ringgit kepada empat hospital universiti, manakala 300 juta ringgit untuk pemerkasaan lima universiti penyelidikan.

228. Tambahan lagi, 100 juta ringgit untuk IPT bagi membudayakan penyelidikan serta meningkatkan bilangan penerbitan dan harta intelek.

229. Bagi meningkatkan keberkesanan pemberian bantuan pelajar pendidikan tinggi, Kerajaan akan menggantikan baucar buku dengan kad debit pelajar sejumlah 250 ringgit, yang boleh digunakan untuk pembelian buku, alatulis, alatan komputer dan akses internet. Ini akan memanfaatkan seramai 1.3 juta orang pelajar.

230. Pemberian biasiswa akan diteruskan dengan peruntukan berjumlah 4.3 bilion ringgit pada tahun 2017 termasuk:

- 1.6 bilion ringgit menerusi JPA;
- 2 bilion ringgit menerusi MARA;
- 250 juta ringgit menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi;
- 208 juta ringgit menerusi Kementerian Kesihatan;
- 194 juta ringgit menerusi Kementerian Pendidikan;
- 28 juta ringgit menerusi Kementerian Sumber Manusia; dan
- 21 juta ringgit menerusi Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang Dipertua,

231. Bagi usaha menggalakkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik, insentif berikut akan diberikan:

- Pertama: Diskaun 15 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
- Kedua: Diskaun 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
- Ketiga: Diskaun 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau *direct debit* mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.

Insentif ini berkuatkuasa pada besok hari, 22 Oktober 2016 sehingga Disember 2017.

Tuan Yang Dipertua,

232. Kerajaan terus menumpukan usaha melindungi kumpulan mudah terjejas. Antara inisiatif yang disediakan:

- Pertama: Bantuan kepada keluarga miskin, meliputi Bantuan Am sehingga 300 ringgit sebulan dan Bantuan Kanak-Kanak sehingga 450 ringgit sebulan diteruskan, memanfaatkan 69 ribu keluarga;
- Kedua: 424 juta ringgit disediakan yang akan memanfaatkan 120 ribu warga emas, termasuklah bantuan sosio-ekonomi warga emas berjumlah 300 ringgit sebulan sebagai saraan hidup dan program wang saku. Selain itu, 8 buah Pusat Aktiviti Warga Emas baharu akan ditubuhkan;
- Ketiga: 535 juta ringgit untuk memanfaatkan hampir 150 ribu Orang Kurang Upaya. OKU, merangkumi elaun pekerja, bantuan latihan kanak-kanak OKU serta bantuan OKU tidak berupaya bekerja; dan

Keempat: Pelepasan GST kepada OKU berdaftar untuk membeli peralatan bantuan tanpa melalui Entiti Kebajikan Swasta. Skop barang yang layak mendapat pelepasan juga akan diperluaskan.

Tuan Yang Dipertua,

233. Sesungguhnya, pada kita OKU membawa erti yang lebih besar yakni, merekalah Orang Ber-Kehebatan Upaya dan Orang Ber-Luarkebiasaan Upaya kerana, telah mampu membuktikan kejaguhan mereka sebagai wira-wira sukan bertaraf dunia.

234. Maka, dengan penuh rasa gembira, dijemput bersama-sama kita di sini, empat orang atlet sukan Paralimpik Rio 2016 yang telah berjaya menghadiahkan tiga pingat emas dan satu pingat gangsa. Syabas dan tepukan kepada:

- Saudara Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi;
- Saudara Muhammad Ziyad Zolkefli;
- Saudara Abdul Latif Romly; dan
- Saudari Siti Noor Radiah Ismail

Tuan Yang Dipertua,

235. Kerajaan memandang tinggi peranan golongan pemimpin masyarakat seperti ketua kampung dalam usaha membentuk masyarakat Malaysia yang makmur dan harmoni.

236. Maka, Kerajaan bersetuju menaikkan elaun ketua kampung, pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan Persekutuan, termasuk Ketua Kampung-Kampung Baru dan Orang Asli, daripada 800 kepada 900 ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

237. Pengangkutan awam merupakan nadi kepada mobiliti rakyat seharian dalam negara menuju kemajuan. Jaringan pengangkutan awam yang lebih cekap, selamat dan selesa sangat dinanti-nantikan oleh rakyat.

238. Lantas, seperti dimaklumi, projek sambungan jajaran LRT laluan Kelana Jaya dan Ampang telah pun beroperasi pada bulan Jun yang lalu.

239. Manakala perkhidmatan MRT laluan Sungai Buloh-Kajang akan beroperasi pada Disember 2016, memanfaatkan 1.2 juta pengguna di Lembah Klang.

240. Kerajaan juga komited untuk menambah baik pengangkutan awam di luar bandar dengan langkah-langkah berikut:

Pertama: Pelaksanaan projek rel baharu *East Coast Rail Line*, menghubungkan Lembah Klang ke Pantai Timur sepanjang 600 kilometer yang melalui Port Klang, ITT Gombak, Bentong, Mentakab, Kuantan, Kemaman, Kerteh, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan berakhir di Tumpat secara berfasa dengan anggaran kos 55 bilion ringgit;

Kedua: Menggiatkan pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak;

Ketiga: 100 juta ringgit bagi membaik pulih Landasan kereta api Pantai Timur, jajaran Gua Musang – Tumpat akibat kerosakan banjir; dan

Keempat: Bagi meningkatkan kekerapan trip perkhidmatan ETS bagi laluan Johor Bharu – Padang Besar, Kerajaan telah memperoleh 9 set tren sehingga tahun 2019.

Sebagai tambahan, sebanyak 10 set tren baharu lagi akan diperoleh secara berperingkat sehingga tahun 2019, dengan peruntukan keseluruhan 1.1 bilion ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

241. Saban tahun, setiap Bajet yang dibentangkan, golongan Orang Asli turut bersama menikmati manfaatnya.

242. Pada petang ini, kita undang beberapa Tok Batin yang tempat dan kampung mereka telah mendapat faedah serta manfaat hasil peruntukan bajet-bajet yang lalu.

243. Mari beri tepukan kepada Tok Batin Awang bin Lijon dari Kampung Orang Asli Jelebu, Negeri Sembilan dan Tok Batin Taha bin Ahir dari Kampung Bukit Bangkong, Sungai Pelek, Sepang, Selangor.

244. Bajet ini selanjutnya memperuntukkan 222 juta ringgit untuk projek bekalan air terawat di 42 perkampungan Orang Asli, program pembangunan ekonomi dan keusahawanan serta Penempatan Semula Perkampungan antaranya di Sungai Ruil, Cameron Highlands, Pahang.

245. Bagi projek *Native Customary Rights* pula, 20 juta ringgit disediakan untuk pemetaan tanah di Sabah dan 30 juta ringgit di Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

246. Kerajaan tetap prihatin terhadap keperluan komuniti Cina dan India. Sehubungan itu, 50 juta ringgit bagi pembangunan Kampung Baru Cina, 50 juta ringgit lagi untuk pinjaman PKS melalui KOJADI serta 20 juta ringgit untuk pinjaman mikro kredit diseliakan oleh *Malaysian Chinese Women Entrepreneurs Foundation*.

247. Seterusnya, 20 juta ringgit akan disalurkan kepada Yayasan Penjaja dan Peniaga Kecil 1Malaysia untuk memberi pinjaman kepada penjaja komuniti Cina.

248. Bagi masyarakat India pula, 50 juta ringgit diperuntukkan bagi program peningkatan kapasiti dan pendapatan, serta 150 juta ringgit lagi untuk program pembiayaan perniagaan melalui TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

249. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, SJKT, Kerajaan akan memperluaskan program pra-sekolah kepada 50 buah sekolah dengan peruntukan 10 juta ringgit.

250. Berhubung ini juga, *I want to make a policy statement* bahawa, Kerajaan komited untuk mengarus perdanakan program-program pembelaan ke atas masyarakat India terus diperkasakan dalam agenda pembangunan negara. Nambikei,... Nambikei!! dan sempena Deepavali yang akan tiba, saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali.

Tuan Yang Dipertua,

251. Menjunjung Agenda Bumiputera, pada minggu lepas, saya telah merasmikan sambutan ulangtahun enam dekad institusi keramat Bumiputera UiTM,...

252. Ternyata, UiTM telah berjaya mencapai objektif penubuhannya dengan melahirkan hampir 700 ribu graduan setakat ini, hingga ada yang sudah berjaya sebagai ahli akademik, pentadbir-pentadbir, teknokrat dan ahli korporat serta Menteri.

Tuan Yang Dipertua,

253. Makanya, bertolak dari sini, demi terus memperkasa Bumiputera, Kerajaan akan perbuat dan peruntukan:

Pertama: 100 juta ringgit kepada SME Bank bagi meningkatkan peluang usahawan Bumiputera;

Kedua: 100 juta ringgit kepada Amanah Ikhtiar Malaysia bagi pelbagai program keusahawanan mereka;

Ketiga: 300 juta ringgit kepada TEKUN, bagi membantu usahawan kecil memajukan perniagaan, termasuk skim baharu TEMANITA, khusus untuk usahawan mikro wanita.

Tuan Yang Dipertua,

Turut dijemput hadir di Parlimen petang ini dua contoh kejayaan hasil inisiatif TEKUN oleh Kerajaan. Mari kita beri tepukan tahniah kepada Encik Denny Iskandar Bahtiar Afandi, yang telah berjaya dalam bidang jahitan pakaian, dan keduanya Encik Vijaya – Indran anak lelaki Ganesan, yang telah berjaya hasil TEKUN di bidang pembaikan alat-alat elektrik.

Keempat: 200 juta ringgit kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, bagi melaksanakan Program Pembiayaan Keusahawanan dan Premis Perniagaan;

Kelima: 120 juta ringgit kepada MARA, bagi pelbagai program keusahawanan, antaranya perusahaan industri halal, pembangunan usahawan belia, Program Latihan Bersepadu Keusahawanan;

- Keenam: Dana mudah-cara berjumlah 500 juta ringgit menerusi TERAJU untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka atau memulakan perniagaan baharu;
- Ketujuh 100 juta ringgit untuk TERAJU bagi Tabung Eksport bagi syarikat-syarikat bumiputera menembusi pasaran antarabangsa; dan
- Kelapan: 100 juta ringgit menerusi Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, bagi program Peneraju Skil dan Iltizam, Peneraju Profesional serta Peneraju Tunas.

Bersama kita, dalam dewan Parlimen ini dua orang penerima faedah dari Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera ini. Kini, mereka telah berjaya dalam bidang perhotelan yang bertaraf 6 bintang dan bidang arkitek. Tahniah dan tepukan kita berikan kepada Cik Denilia dan Encik Syahmi.

254. Pokoknya, selagi hayat dikandung badan, agenda pemerkasaan Melayu serta Bumiputera akan terus kita perjuangkan.

Tuan Yang Dipertua,

255. Baru-baru ini, kita mendengar ada pihak yang membuat tuduhan bahawa Bajet 2017 adalah satu bikinan sandiwara, kononnya tanpa *substance*, dan Kerajaan tidak mempunyai wang yang mencukupi.

256. Malah, ada seorang Pemimpin Pembangkang menyebut pula, ‘Malaysia mengharungi ribut ekonomi yang sukar pada tahun ini’.

Saudara dan Saudari Sekalian,

257. Sebenarnya di sini, siapa yang bermain sandiwara?.... Siapa yang tiada substance sebenarnya?.... Siapa yang menjadi Pembelot dan Perkhianat negara sebenarnya?.... Di mana pula timbulnya ribut ni?....

258. Apa yang boleh saya simpulkan wahai rakan-rakan, terutamanya Ahli Parlimen Barisan Nasional adalah,

*Ribut-ribut di Kubang Pasu,  
Angin Sepoi dari Pekan,  
Demi negara Barisan Nasional Bersatu,  
Kepentingan rakyat kita utamakan.*

Tuan Yang Dipertua,

259. Sememangnya, Kerajaan amat menghargai sumbangan perusahaan kecil dan sederhana di dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan di negara ini.

260. Bahkan, 97 peratus daripada kesemua perniagaan di negara ini adalah dari sektor PKS. Perniagaan-perniagaan ini juga menyumbangkan 36 peratus dari KDNK negara pada tahun lepas, 65 peratus dari kesemua pekerjaan dan 18 peratus dari eksport negara.

261. Jadinya, Kerajaan yakin sektor PKS mempunyai keupayaan untuk melonjak ke hadapan, supaya dapat meningkatkan lagi sumbangan mereka kepada ekonomi negara.

262. Untuk Bajet 2017 ini, saya mahu mengumumkan beberapa perkara yang gembira dan sangat mustahak lagi berimpak besar kepada syarikat-syarikat termasuk PKS. Sila dengarkan baik-baik...

263. Bagi menghargai pencapaian syarikat-syarikat yang berjaya meningkatkan pendapatan mereka, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengadakan satu skim baru khusus bagi tahun taksiran tahun 2017 dan 2018.

264. Skim ini akan memberi pengurangan kadar cukai berperingkat, berdasarkan kepada peratus kenaikan pendapatan berbanding tahun taksiran sebelumnya. Kadar pengurangan cukai pendapatan ini adalah seperti berikut:

- Peratus kenaikan pendapatan bercukai antara 5 dan bawah 10 peratus sebanyak satu mata peratusan;
- Peratus kenaikan pendapatan bercukai antara 10 dan bawah 15 peratus sebanyak dua mata peratusan;
- Peratus kenaikan pendapatan bercukai antara 15 dan bawah 20 peratus sebanyak tiga mata peratusan; dan
- Peratus kenaikan pendapatan bercukai 20 peratus sebanyak empat mata peratusan.

265. Sebagai contoh, sekiranya pendapatan bercukai syarikat bagi tahun taksiran 2016 adalah sebanyak 10 juta ringgit, dan meningkat kepada 12 juta ringgit pada tahun 2017, maka jumlah cukai yang dikenakan pada 10 juta ringgit pertama adalah sebanyak 24 peratus; bersamaan 2.4 juta ringgit. Manakala, beza pendapatan 2 juta ringgit pada tahun 2017 pula dikenakan cukai sebanyak 20 peratus; bersamaan 400 ribu ringgit. Ini bermakna, kadar cukai efektif adalah 23.3% dan jumlah cukai yang perlu dibayar adalah 2.8 juta ringgit dengan penjimatan sebanyak 80 ribu ringgit.

266. Selain daripada itu, bagi semua PKS pula, kadar cukai bagi pendapatan bercukai sehingga 500 ribu ringgit pertama, akan dikurangkan daripada 19 peratus kepada 18 peratus, bermula tahun taksiran 2017.

267. Juga, bagi merancakkan program pembangunan vendor tempatan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, galakan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan operasi yang ditanggung oleh syarikat induk, akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

Tuan Yang Dipertua,

268. Beriring-iring dengan Perpaduan, Kerajaan ini tidak akan pernah berkompromi dengan keselamatan dan ketenteraman awam.

269. Sesungguhnya, jasa para perajurit negara sentiasa kekal di sanjung tinggi. Ini termasuklah pengorbanan mereka mempertahankan negara ketika darurat.

270. Bersama-sama kita juga pada petang berbahagia ini, wakil-wakil para veteran, pasukan perajurit juga anggota keselamatan, yang merupakan wira-wira bangsa dalam mempertahankan kedaulatan pertiwi. Nampaknya hanya Abang Bomba saja yang tak ada,...

271. Sesungguhnya, jasa mereka tidak terbayar dengan wang ringgit, dan tidak ternilai dengan pangkat darjat.

272. Saya difahamkan bahawa, hadir dan berada di galeri atas sana adalah wakil-wakil daripada Angkatan Tentera Darat, Laut dan Udara, serta Polis DiRaja Malaysia yang pernah berkhidmat semasa tragedi di Lahad Datu.

273. Sama-sama kita beri semangat dan tepukan patriotik yang meriah buat mereka!

Tuan Yang Dipertua,

274. Maka, sukacitanya diumumkan, Kerajaan akan memberi Bayaran Insentif Khas Insurgensi kepada veteran ATM, sejumlah 55 juta ringgit, yang masih belum menerima insentif khas ini.

275. Ini bagi membolehkan veteran yang hilang upaya ketika dalam perkhidmatan, dapat menerima insentif tersebut. Sebagai contoh, seorang Koperal yang mengalami hilang upaya sebanyak 80 peratus semasa berkhidmat layak menerima bayaran Insentif Pukal sehingga 34 ribu ringgit dan bayaran Insentif Bulanan sehingga 590 ringgit bergantung kepada kaedah pengiraan semasa. Ini merupakan insentif baharu selain daripada Pencen Hilang Upaya sedia ada.

276. MINDEF pula diperuntukkan 15.1 bilion ringgit, antaranya 1.8 bilion ringgit untuk menyelenggara aset-aset utama seperti pesawat, kapal peronda, peralatan komunikasi, bangunan dan senjata. ATM juga diperlengkapkan dengan perolehan kapal rondaan dan kenderaan berperisai 8 x 8.

277. Di samping itu, 1.3 bilion ringgit diperuntukkan antaranya untuk telekomunikasi, rangsum dan perolehan pakaian seragam.

278. Bagi meningkatkan keberkesanan operasi ESSZONE, 323 juta ringgit, diperuntukkan untuk penugasan anggota di sempadan kawasan Timur Sabah.

Tuan Yang Dipertua,

279. Selain itu, Kerajaan akan mewujudkan *Sea Basing* di perairan Pantai Timur Sabah, dan Pangkalan Operasi Hadapan Helikopter. Seterusnya, menempatkan kenderaan Perisai AV8 GEMPITA 8x8, dan kenderaan perisai

4x4 di Lahad Datu, serta penempatan skuadron pesawat pejuang Hawk dan helikopter Eurocopter EC-725 di Pangkalan Udara Labuan.

280. Angkatan Tentera juga akan melaksanakan Program Jiwa Murni, dengan peruntukan 114 juta ringgit, bagi membina dan menaiktaraf jalan di pedalaman Sarawak.

281. Di samping itu, perkhidmatan Feri Sekolah Angkatan Tentera, juga diteruskan melibatkan 15 ribu anak-anak anggota ATM seluruh negara.

282. Manakala, KDN diperuntukkan 12.8 bilion ringgit, termasuk 8.7 bilion ringgit kepada Polis DiRaja Malaysia. Antara projek utama adalah, membina 12 ibu pejabat polis daerah, pusat latihan Komando 69, dan perolehan kenderaan serta kelengkapan.

283. Selain itu, 60 juta ringgit disediakan bagi meningkatkan keberkesanan usaha mencegah jenayah di bandar, termasuk *omnipresence* dan Unit Rondaan Bermotosikal.

284. Kerajaan juga mengiktiraf peranan anggota RELA dalam memelihara keharmonian masyarakat. Untuk ini, 80 juta ringgit diperuntukkan, bagi membekalkan pakaian seragam kepada lebih 200 ribu orang anggota RELA.

285. Dua wakil mereka ada bersama kita,... sila kita beri tepukan meriah kepada wakil anggota RELA yang banyak berjasa.

286. Bagi memastikan kawasan kejiranan berada dalam selamat dan tenteram, 40 juta ringgit diperuntukkan untuk melaksanakan semula Geran Persatuan Penduduk kepada persatuan yang berdaftar. Geran sehingga 10 ribu ringgit, bagi membiayai peralatan kawalan keselamatan, pembersihan dan penyelenggaraan kawasan kejiranan.

Tuan Yang Dipertua,

287. Wanita sentiasa menjadi inspirasi dan tulang belakang kepada pembangunan negara. Sejak zaman dahulu kala pun, para pahlawan dan pendekar, bukan sahaja terdiri daripada kaum lelaki, tetapi juga kaum Hawa.

288. Beberapa hari lepas, saya telah bertemu dengan seorang pejuang wanita. Beliau adalah wakil tunggal yang menjadi perlambangan wanita Malaysia yang berhati waja, berani dan kuat semangat. Bersama rakan-rakan, beliau membuat misi kemanusiaan ke Palestin, sehingga ditahan oleh regim Israel.

289. Namun Alhamdulillah, telah kembali ke tanahair dengan selamat. Ayuhlah, kita berikan sambutan semangat dan tepukan kepada Dr. Fauziah Hassan.

Tuan Yang Dipertua,

290. Sehubungan ehwal wanita dan mengarusperdanakan peranan mereka dalam pembangunan negara, sebanyak 2 bilion ringgit disediakan untuk program-program seperti I-KIT, I-KeuNita dan program *Women Career Comeback*.

291. Kerajaan juga menyediakan 30 juta ringgit untuk kaum wanita menjalani pemeriksaan mamogram dan mendapat suntikan imunisasi *HPV* secara percuma, untuk mencegah kanser.

292. Bercakap tentang kejayaan dan kehebatan golongan wanita lagi, marilah kita memberi tepuk tahniah kepada Cik Lam Shu Jie, yang telah berjaya dalam penyelidikan *Structurally Nano-Engineered Anti-Microbial Peptide Polymers* (SNAPPs) di peringkat global. Saya difahamkan beliau sedang menuntut di salah sebuah universiti di Australia.

293. Sebagai sokongan kepada wanita berkerjaya yang masih menyusukan anak, Kerajaan akan memperkenalkan pelepasan cukai baharu sehingga seribu ringgit, bagi pembelian peralatan penyusuan ibu. Pelepasan ini, diberi setiap 2 tahun sekali, mulai tahun taksiran 2017.

294. Seterusnya, bagi meringankan beban ibu bapa yang bekerja, pelepasan cukai sehingga seribu ringgit diberikan kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak berumur 6 tahun dan ke bawah, ke taman asuhan dan pra-sekolah berdaftar, mulai tahun taksiran 2017. Kerajaan menganggarkan 40 ribu individu akan mendapat manfaat daripada pelepasan cukai ini.

Tuan Yang Dipertua,

295. Sebagai sebuah negara Islam yang wasatiyyah, berasaskan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah, Kerajaan dari masa ke semasa akan terus memperkembangkan syiar Islam di landasan betul.

296. Seraya itu, Kerajaan, menolak sekeras-kerasnya sebarang fahaman yang terlalu liberal mahupun terlalu ekstrem.

297. Di sudut ini, peranan para agamawan, khususnya golongan Imam serta Ahli Jawatankuasa Masjid dan surau-surau dipandang serius oleh pihak Kerajaan, terutamanya kebajikan mereka.

298. Makanya, pada hari ini, kita berbesar hati untuk menjemput beberapa Imam dan Bilal yang berjasa sejak sekian lama di surau-surau dan masjid-masjid seluruh negara.

299. Silalah kita mendongak ke galeri dan skrin, wajah-wajah antara ribuan imam, bilal dan siak, yang telah berjasa mengimarahkan masjid dan surau dalam ibadah jemaah. Berilah tepukan penghargaan kepada mereka.

300. Seiring dengan itu, dengan rasa tawaduknya, berasa bersyukur, kerana Imam-imam ini adalah antara 4,611 jemaah yang telah dibiayai untuk mengerjakan ibadat haji oleh GLC.

301. Berkait ini, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menaikkan elaun Imam di bawah JAKIM, daripada 750 ringgit kepada 850 ringgit sebulan. Ini memanfaatkan hampir 15 ribu Imam di seluruh negara.

302. Manakala sebanyak 500 ringgit, akan diberikan secara *one-off* kepada hampir 16 ribu Bilal dan Siak di seluruh tanahair, sebagai menghargai jasa mereka dalam mengurus tadbir masjid.

303. Sukacitanya Kerajaan mengumumkan, elaun guru KAFA juga akan dinaikkan daripada 800 ringgit kepada 900 ringgit sebulan, sekaligus memanfaatkan hampir 33 ribu guru.

304. Kerajaan menyedari permintaan yang tinggi oleh masyarakat terhadap pendidikan tahfiz. Oleh itu, buat pertama kalinya, Kerajaan memperuntukkan 30 juta ringgit bagi menyelaraskan pendidikan tahfiz melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara.

305. Sekalung tahniah, mari kita beri tepukan kepada wakil guru-guru KAFA dan anak-anak Tahfiz tajaan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

306. Ramai cendekiawan dan pejuang kemanusiaan dunia seperti Mahatma Ghandi menyarankan bahawa, *If you want to reach real peace in this world, we should start educating the children.*

307. Pada Jumaat penuh barakah ini, dibawakan sebahagian anak-anak masuk ke Dewan Parlimen sebagai memberi pengalaman kepada mereka, selaku pewaris bangsa. Anak-anak kita ini, adalah daripada kelas-kelas pendidikan awal KEMAS, TABIKA, TASKA dan PERMATA.

308. Bagi menghargai khidmat jasa para pembantu KEMAS, elauan mereka akan dinaikkan daripada 400 kepada 500 ringgit, melibatkan hampir 11 ribu orang.

309. Turut hadir dua wakil pembantu KEMAS, dan silalah beri tepukan kepada mereka.

Tuan Yang Dipertua,

310. Bersama-sama kita pada petang ini juga, anak-anak PERMATA dan KEMAS, yang merupakan pewaris masa depan negara.

311. Sebanyak 85 juta ringgit akan diperuntukkan bagi program PERMATA, yang melibatkan 50 ribu kanak-kanak, antaranya, untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan *Top STEM Talents* di Akademi Sains Malaysia. Selain itu, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar di Negeri Sembilan, dan Kampus Tuanku Bainun di Pulau Pinang akan diubahsuai menjadi pusat PERMATA Pintar dan Berbakat.

Tuan Yang Dipertua,

312. Ingin disampaikan satu lagi khabar penting, Kerajaan akan mengambil langkah positif untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 mulai awal tahun hadapan, berkait mereka yang telah diisyiharkan bankrap, terutamanya ‘penjamin sosial’ misalannya penjamin biasiswa,...dan antaranya lagi, mereka yang mengidap penyakit kronik setelah disahkan oleh hospital Kerajaan juga mereka yang telah berumur. Perinciannya sedang dilakukan dan butiran lanjut akan diumumkan dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang Dipertua,

313. Demikianlah sekian banyaknya prakarsa, inisiatif, peruntukan dan ikhtiar murni Kerajaan Barisan Nasional dalam simfoni Bajet 2017 ini, untuk Rakyat, Kerana Rakyat.

314. Sebuah bajet yang sangat berkomited dan tidak mementingkan kepopularan politik, sebaliknya demi mempastikan kedudukan asas ekonomi negara kekal berdaya tahan dan kuat, termasuk dasar tentang sasaran defisit, aktiviti ekonomi yang telah dirangsang, dan kesihatan jangka panjang sistem kewangan Malaysia.

315. Sesungguhnya,... sesungguhnya,... Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan anak jantan. Kita tidak akan sesekali lari dari masalah.

316. Kita tidak akan pernah belot dan takut kecundang, lari dari medan perjuangan.

Tuan Yang Dipertua,

317. To us, Barisan Nasional, *FAILURE IS NOT AN OPTION,... AND,... SUCCESS IS WHAT WE STRIVE FOR.*

318. Lantas,... sukatanya saya mengumumkan, sebaik sahaja bajet ini selesai, pihak Kerajaan akan melancarkan siri dialog nasional atau *national discourse* bagi memeta halatuju negara di atas sebuah kanvas yang baharu. Kalau lembayung gagasan negara yang saya perkenalkan sejak 2010 adalah, Dasar Transformasi Nasional atau DTN, maka wacana nasional ini pula saya namakan sebagai, Transformasi Nasional 2050 dan sesudah ini dijenamakan sebagai TN50.

319. Kalau Dasar Ekonomi Baru dulu, Allahyarham Tun Razak rencanakan untuk menyediakan Generasi Baharu yang berjaya dalam

tempoh 30 tahun, begitulah TN50 ini akan menjangkau 3 dekad proses dan gerak kerjanya, bagi membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda *par excellence*.

320. TN50 akan dimula-gerakkan dengan generasi muda pelbagai bangsa melalui wacana-wacana nasional atau *national discourse* seperti diputuskan oleh Kabinet, akan dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan serta pastinya akan dinaungi dan dipayungi oleh saya sendiri selaku Perdana Menteri.

321. Biarlah TN50 ini menjadi saksi dan berkalamlah tawarikh bahawa, Kita adalah Bapa-Bapa atau Nenek Moyang yang bertanggungjawab, mahu mewariskan yang terbaik dan terhebat,..... diperturunkan kepada generasi hari muka.

322. TN50, inilah azimat kita mulai kini. Biarlah legasi lama berlalu pergi. Harapan masa depan Malaysia kita baharui.

Tuan Yang Dipertua,

323. Dari itu, walau kita terus diperhadapkan dengan beribu aral yang melintang,... tapi kita terima dengan jiwa yang besar dan roh bangsa merdeka.

324. Oleh itu, wahai rakan-rakan dalam Barisan Nasional, Ayuhlah,... kita rapatkan saf, kita satukan pemikiran, kita perkukuhkan pasukan,...

325. Sekaligus di kesempatan ini, saya mahu merakamkan rasa penghargaan yang tinggi kepada Timbalan saya, yakni Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, atas kesetiaan saudara yang tidak berbelah bahagi.

326. Begitu juga ketaatan yang diberikan kepada saya oleh Anggota-anggota Jemaah Menteri, Pimpinan-Pimpinan Parti Komponen dan tentunya

juga kepada para Penjawat Awam, kepada negara selama puluhan tahun ini.

Tuan Yang Dipertua,

327. Kepada Penjawat Awam, saya tahu tak tidur malam jika perkara ini tidak diumumkan. Bagai pucuk dicita, khabar gembira sudah pun mendatang.

328. Sebagai penghargaan atas khidmat terpuji para penjawat awam, sukacitanya saya mengumumkan bayaran khas sebanyak 500 ringgit kepada semua penjawat awam, manakala 250 ringgit kepada para pesara Kerajaan. Bayaran ini akan diberi pada awal Januari 2017.

Saudara dan Saudari Rakan Seperjuangan Sekalian,

329. Biarlah hati kita luluh dan kalbu kita hancur menahan luka, asalkan masyarakat mendapat untung dan labanya.

330. Biarlah bahu-bahu kita yang menanggung caci dan cerca, asalkan,... rakyat tetap dibela.

Tuan Yang Dipertua,

331. Jika dimadah orang dahulukala, Raja dan Rakyat berpisah tiada,... Begitulah juga,... Kerajaan dan Rakyat juga sehati sejiwa.

332. Ingin saya nyatakan betapa kasihnya Kerajaan ini untuk melihat rakyat bahagia dan sentosa. Seperti dipujangga dalam gurindam jiwa,...**HENDAK MATI DI HUJUNG KUKU, HENDAK BERKUBUR DI TAPAK TANGAN.**

Tuan Yang Dipertua, Saudara Saudari, Rakyat Malaysia Yang Dikasihi,

333. Akhir kalam, Kerajaan Barisan Nasional dengan izin Allah jua, yakin dan percaya bahawa, angin kemenangan besar Pilihanraya Negeri Sarawak, yang telah berpuput-puput bayunya ke Pilihanraya Kecil di Sungai Besar dan Kuala Kangsar, akan mula meniup obor perjuangan yang kami yakin dan percaya, hari demi hari, InsyaAllah,.... dengan kehendak Yang Maha Berkuasa, akan membawa pula kemenangan besar di Pilihanraya Umum Ke-14 kepada Kerajaan Barisan Nasional, InsyaAllah.

334. Lalu,.... Lalu,.... SUDAH MENJADI ADAT ORANG BERJUANG,.... SEKALI LAYAR SUDAH DIKEMBANG,... SEKALI BAHTERA SEDANG BERKEMUDI,... PABILA GENDERANG DITABUH-TABUHKAN,....APA PUN BADAI DATANG MENGHENTAM,....

PANTANG PENDEKAR BERBALIK PULANG!!!

335. Mudah-mudahan Allah Hu Ta'ala, Melimpah Kurnia serta Mencucur Rahmatnya kepada Malaysia dan Rakyatnya, Dunia Akhirat, Zahir dan Batin.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamulaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.*